

07 JAN 2004

Abdullah-Kabinet (Analisis Berita)

ROMBAKAN KABINET BUKTIKAN ABDULLAH PEMIMPIN BERPANDANGAN JAUH

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Pelantikan Timbalan Perdana Menteri dan rombakan kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memperlihatkan bahawa Abdullah merupakan pemimpin yang berpandangan jauh, kata seorang ahli sains politik, hari ini.

Prof Madya Dr Muhammad Mustafa Ishak dari Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata tindakan Abdullah itu akan memastikan Barisan Nasional (BN) dan Umno menghadapi pilihan raya umum dengan fikiran yang optimistik.

"Ia tidak pernah berlaku sebelum ini, pilihan raya diadakan sebelum Perdana Menteri melantik timbalannya," katanya kepada Bernama.

Muhammad Mustafa yang juga timbalan naib cancellor (hal ehwal pelajar) UUM, berkata Perdana Menteri juga telah mengekalkan perpaduan dan kestabilan parti dengan memilih Najib kerana Najib selaku naib presiden yang paling kanan mempunyai sokongan akar umbi yang kuat.

"Abdullah telah mengikut tradisi parti dengan melantik timbalannya di kalangan naib-naib presiden," katanya dan menambah bahawa ia akan terus menyumbang kepada perpaduan dan kestabilan parti.

Muhammad Mustafa berkata Najib, 50, sentiasa dilihat sebagai pemimpin yang mewakili generasi muda berdasarkan umurnya dan peranan beliau selaku bekas Ketua Pergerakan Pemuda.

Beliau berkata ini pastinya mempunyai impak ke atas pengundi terutama generasi muda memadangkan Najib dilihat sebagai pemimpin muda dan dinamik dalam Umno.

Perdana Menteri mesti telah membuat pertimbangan ini sebelum melantik Najib, katanya.

Muhammad Mustafa berkata Pilihan Raya Umum 1999 menunjukkan bahawa generasi muda agak "malu" untuk menyokong BN.

Lebih-lebih lagi, Najib agak terkenal di peringkat antarabangsa serta kedudukan negara ini di peringkat global boleh dipertingkatkan

dengan
pelantikan itu.

"Saya kerap ke luar negara dan orang yang saya temui seolah-olah mengenali Abdullah dan Najib. Najib mungkin atas kapasitinya selaku Menteri Pertahanan dan anak bekas Perdana Menteri," katanya.

Abdullah, katanya juga mengekalkan kestabilan dengan tidak mengugurkan mana-mana menteri kabinet.

Masa membuat pengumuman mengejutkan banyak pihak memandangkan "Perdana Menteri sentiasa merahsiakannya" kerana ramai beranggapan Abdullah akan mengumumkan timbalannya tahun lepas," katanya.

"Jangan memandang rendah Abdullah kerana beliau merupakan pemimpin yang berpandangan jauh dan telah banyak belajar daripada Tun Dr Mahathir Mohamad. Ramai tidak mudah membuat spekulasi mengenai langkah politiknya (Abdullah)," katanya.

Pelantikan itu juga menunjukkan Abdullah memenuhi pilihan calon Mahathir sebagai timbalannya.

Muhammad Mustafa berkata pelantikan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop menunjukkan bahawa Abdullah mahu beliau menjadi pembantunya bagi memacu ekonomi dan pengurusan kewangan negara.

Ahli sains politik itu berkata Abdullah mahu Nor Mohamed memainkan peranan di depan dan tidak lagi "di belakang tabir" memandangkan beliau terkenal kerana peranan pentingnya dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan dan ekonomi negara.

"Tiada siapa yang dapat mempersoalkan pelantikannya kerana rekod cemerlang beliau yang terbukti. Beliau bukan ahli politik. Perdana Menteri hanya mahu beliau menjalankan tugasnya," katanya.

Muhammad Mustafa berkata pelantikan Nor Mohamed boleh meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Malaysia.

Bagi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dipindahkan ke portfolio pertanian, beliau berkata ia bukan penurunan pangkat Muhyiddin.

"Malah, perdana menteri mahu seorang menteri kabinet kanan bertanggungjawab dalam sektor itu yang merupakan agenda penting Abdullah dalam pentadbirannya," katanya.

Ini katanya membuktikan komitemen Abdullah yang serius dalam membangunkan sektor pertanian.

Mengenai pergerakan Menteri Pertanian Datuk Seri Dr Mohd Effendi Norwawi ke Jabatan Perdana Menteri bagi Tugas-tugas Khas, Muhammad Mustafa yakin ia hanya "langkah sementara" kerana Effendi mungkin akan ditugaskan di Sarawak pada pilihan raya umum.

Ahli sains politik itu berkata rakyat tidak wajar menganggap langkah pemindahan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis ke portfolio Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai turun pangkat.

"Pelantikan itu menunjukkan Dr Jamaludin kini mengendalikan kementerianya sendiri dan tidak lagi sebagai menteri kedua. Beliau juga bertanggungjawab bagi satu kementerian yang sangat penting," katanya.

"Pelantikan DPM dan rombakan kabinet merupakan isyarat dari Perdana Menteri bahawa sudah sampai masanya untuk bekerja, dapatkan sokongan generasi muda dan beliau sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum dengan fikiran yang optimistik," katanya.

Mengenai kepercayaan umum bahawa pelantikan Najib sudah melengkapkan

teori R-A-H-M-A-N, Muhammad Mustafa berkata ia hanya kebetulan.

Teori itu menyebut bahawa perdana menteri Malaysia membabitkan Tunku Abdul Rahman (R), Tun Abdul Razak (A), Tun Hussein Onn (H), Tun Dr Mahathir Mohamad (M), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (A) and Najib (N).

-- BERNAMA

JM AHH LAT